

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Projek petroleum Petronas bernilai \$2.7 bilion

NILAI kontrak projek petroleum yang dilaksanakan oleh Petronas dan Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) dari bulan Januari 1982 hingga Jun 1983 ialah \$2.7 bilion, Dewan Rakyat diberitahu semalam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberitahu, jumlah itu termasuk projek-projek utama dan kurang utama yang dilaksanakan oleh kedua-dua badan itu.

"Daripada jumlah itu pula, lebih kurang \$426 juta dilaksanakan oleh Bumiputera, \$468 juta bukan Bumiputera, \$522 juta dari syarikat-syarikat asing dan \$565 juta dari syarikat-syarikat Malaysia," jelas beliau.

Beliau yang menjawab soalan bertulis Encik Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman (BN - Ulu Nerus) juga menjelaskan projek-projek itu ialah di pengkalan minyak mentah Terengganu, padang helikopter, kajian seismik dan aktiviti-aktiviti menggerudi, projek saluran gas Semenanjung dan sebagainya.

No. Siri

No. Peper.....